

# Malaysia, Qatar bincang isu Gaza

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Qatar mengadakan perbincangan mengenai situasi terkini di Gaza, berkait pelanggaran syarat gencatan senjata oleh rejim Zionis.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau menerima panggilan telefon daripada rakan sejawatnya merangkap Menteri Luar Qatar, Sheikh Mohammed Abdulrahman Al-Thani, malam kelmarin.

“Menerusi perbualan telefon, kami berbincang mengenai situasi terkini di Gaza terkait pelanggaran syarat gencatan senjata yang sengaja dilakukan oleh rejim Zionis Israel untuk melengahkan proses perdamaian yang diusahakan oleh pelbagai pihak, termasuk kerajaan Qatar, Mesir dan Amerika Syarikat.

“Saya juga menyanjung usaha gigih yang dilakukan Sheikh Mohammed dalam mencari ja-

lan untuk menghentikan segera kekejaman rejim Zionis ke atas penduduk Gaza dan mencapai perdamaian yang berkekalan.

“Saya turut menegaskan komitmen berterusan Malaysia untuk tetap teguh mendokong setiap inisiatif termasuk memberi bantuan kemanusiaan di samping menamatkan penjajahan dan pendudukan Israel di bumi Gaza,” katanya dalam kenyataan semalam.